AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Ancaman batuk kokol wajar diberi perhatian

Nuramirah Fazlan, Sandakan, Sabah

Wabak batuk kokol atau pertussis kini menjadi bual bicara dalam kalangan masyarakat. Ia mula menghantui dan menimbulkan kegusaran pelbagai pihak, terutama dalam kalangan ibu bapa.

Batuk kokol menjadi antara ancaman yang boleh membawa maut kerana ia adalah penyakit berjangkit dan risiko jangkitannya merangkumi semua peringkat usia. Ini termasuk golongan kanak-kanak, terutama bayi yang dianggap sebagai kumpulan paling berisiko.

Masalah kesihatan ini boleh mengakibatkan radang paru-paru, otak dan sawan dan mudah berjangkit serta boleh membawa maut. Umumnya batuk kokol boleh berjangkit melalui titisan cecair pernafasan iaitu mulut, hidung dan kerongkong ketika seseorang itu batuk, bersin atau bercakap.

Gejala lazim yang ditunjukkan si pesakit batuk kokol umumnya ialah mengalami simptom ringan terlebih dahulu seperti demam, selsema, bersin dan batuk. Gejala itu terutama batuk, akan terjadi secara berpanjangan selalunya antara tempoh satu hingga dua minggu. Malah, ada yang boleh berlarutan hingga dua bulan.

Selepas tempoh itu, keadaan boleh menjadi lebih parah dengan batuk yang teruk dengan bunyi seakan-akan desiran jelas didengari. Bunyi batuk inilah yang membawa nama batuk kokol. Lantas bagaimanakah nasib kanak-kanak dalam hal ini? Bagaimanapun keadaan perkembangan semasa pertussis di Malaysia?

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan bilangan kes batuk kokol di Malaysia adalah sebanyak 132 kes setakat 28 April 2023 dengan dua kes membabitkan kematian. Untuk tempoh sama juga sebanyak 76 kes direkodkan di Sabah membabitkan 11 daerah.

Ambil langkah pencegahan

Justeru, berdasarkan situasi semasa masyarakat sepatutnya sudah mengambil langkah pencegahan. Angka direkodkan KKM adalah jelas menjadi tanda amaran terhadap ancaman penyakit yang melanda. Oleh itu, perkara ini perlu dipandang serius oleh masyarakat demi memastikan keselamatan individu dalam kumpulan berisiko.

Justeru, langkah awal perlu segera diambil bagi membendung penyakit berkenaan. Hal ini kerana langkah pencegahan adalah tindakan yang paling ampuh untuk membendung wabak ini daripada akar umbi.

Langkah pencegahan awal yang boleh menjanjikan keberkesanan dan keselamatan daripada jangkitan penyakit berkenaan termasuk pelalian atau lebih dikenali sebagai imunisasi.

Ibu bapa perlulah memastikan kanak-kanak mendapat imunisasi yang lengkap iaitu sebanyak empat dos secara rutin pada usia dua, tiga, lima dan 18 bulan.

Langkah ini perlulah diambil perhatian oleh ibu bapa, terutama mereka yang sedikit cuai terhadap pematuhan jadual imunisasi anak.

Kanak-kanak yang belum mencapai tahap imuniti sepatutnya disebabkan tidak mendapat imunisasi lengkap, boleh menyebabkan mereka menjadi kumpulan paling berisiko untuk dijangkiti. Malah, ia turut meningkatkan risiko jangkitan dalam komuniti.

Oleh hal yang demikian, ibu bapa adalah ejen terpenting dalam mengawal penyakit. Justeru, mereka lebih peka terhadap jadual suntikan dan temu janji vaksinasi yang sudah ditetapkan petugas perubatan. Usaha ini bukan sahaja boleh menjamin keselamatan anak, malah dapat melindungi komuniti masyarakat yang lain demi kesejahteraan hidup bersama.

Selain itu, amalkan langkah pencegahan lain misalnya amalan etika batuk. Bagi individu yang mengalami bersin atau batuk, mereka perlu memastikan mulut dan hidung ditutup dengan tisu atau sapu tangan. Pencucian tangan yang betul juga mampu mencegah penyebaran penyakit dengan menggunakan sabun dan air atau cecair membasmi kuman.

Masyarakat turut dinasihatkan memakai pelitup muka jika mempunyai penyakit berjangkit khususnya ketika berada di tempat awam.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : WANITA & KELUARGA

Sasar 30,000 pelawat kunjungi Pameran Bidan

Kuala Lumpur: Muzium Negara menyasarkan seramai 30,000 pelawat bakal mengunjungi Pameran Bidan sepanjang tempoh tiga bulan penganjurannya di Galeri 1 muzium itu bermula, 1 Mei lalu sehingga 31 Julai depan.

Pengarah Muzium Negara, Zamrul Amri Zakaria, berkata Pameran Bidan ini diadakan sempena meraikan Hari Bidan Sedunia yang jatuh pada tanggal 5 Mei, selain Hari Jururawat Sedunia yang 12 Mei lalu.

Katanya, bidan dan jururawat mempunyai signifikan, selain banyak menyumbang kepada komuniti.

Pameran ini dilaksanakan susulan daripada kejayaan program pameran sebelumnya bertemakan Pameran Evolusi Baju Seragam Jururawat 2022 yang mendapat sambutan sangat baik dengan lebih 25,000 pelawat yang hadir.

Katanya, objektif Pameran Bidan ini adalah untuk mengetengahkan kembali fungsi bidan suatu masa dahulu, selain menghargai peranan bidan tradisional atau bidan kampung dan bidan moden dalam institusi kesihatan.

Zamrul Amri ketika melawat Pameran Bidan di Galeri 1, Muzium Negara, baru-baru ini. (Foto Aswadi Alias/BH)

"Menerusi pameran ini, pengunjung dapat lihat sendiri bagaimana pelbagai kaum dan etnik tradisional negara ini mengiktiraf bidan sebagai individu yang berpengaruh dalam kehidupan mereka.

"Pameran ini turut mengetengahkan bidan dalam sosiobudaya masyarakat tradisi dan ilmu perbidanan tradisional pelbagai kaum seperti bidan dalam masyarakat Melayu, Cina, India, Orang Asli, termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kita dapat lihat penyatuan dan keunikan masyarakat pelbagai kaum di negara dalam pameran ini" katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Perbidanan tradisi, moden

Mengulas lanjut, Zamrul Amri berkata, pelawat turut dapat melihat jalinan harmoni antara ilmu perbidanan tradisi dengan moden.

Menerusi pameran itu pengunjung dapat merasai sendiri pengalaman berada di dalam bilik persalinan.

"Kebiasaannya, tidak semua orang boleh masuk ke ruang bilik persalinan. Hanya suami, isteri dan petugas kesihatan.

"Jadi, orang ramai boleh datang di sini bagi melihat dan merasai sendiri pengalaman berada dalam bilik persalinan," katanya.

Dalam pada itu, beberapa koleksi peralatan menarik berkaitan bidan turut dipamerkan antaranya mangkuk mandi bayi etnik Dayak, pendukung bayi etnik Orang Ulu Kenyah, kerusi bersalin masyarakat Cina, sengkalan, lupong manang atau bekas simpanan ubat etnik Iban dan pelbagai lagi koleksi berkaitan.

Pameran ini turut diisi dengan diorama adat bersalin Orang Asli, adat melenggang perut, bersalai dan upacara Valaikappu serta sambutan Man Yue bagi masyarakat India dan Cina.

Justeru, pameran ini menyediakan pelbagai maklumat menarik dan sangat berguna untuk memahami dan mempelajari adat, budaya serta tradisi ilmu perbidanan pelbagai kaum di Malaysia serta dapat dijadikan penghubung antara ilmu perbidanan tradisional dengan ilmu perbidanan moden.

Meskipun cara dan pendekatannya berbeza, kedua-dua ilmu tradisi dan moden ini bertujuan bagi memberi keselesaan, kesejahteraan dan keselamatan kepada ibu mengandung dan bayi.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

PENGUAT kuasa Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu mengeluarkan notis penutupan premis kerana didapati tidak mencapai standard kebersihan ditetapkan.

Jumpa najis tikus, lipas di dapur premis

Kota Kinabalu: Sembilan premis makanan diarahkan tutup selepas didapati kotor dengan najis tikus dan lipas di dapur premis ketika pemeriksaan di kawasan Polytechnic Commercial Centre (PCC) di sini, kelmarin.

Menerusi Operasi Bersepadu Akta Makanan 1983 yang dilaksanakan itu turut mengeluarkan 11 notis kepada pemilik premis serta pengendali makanan atas pelbagai kesalahan lain.

Pegawai Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu Dr Prabakaran Dhanaraj berkata, operasi berkenaan dijalankan secara serentak di seluruh negeri itu.

Menurutnya, sebanyak 15 premis makanan di kawasan PCC diperiksa dan sembilan premis makanan tidak menepati standard ditetapkan dan diarahkan tutup untuk kerja pembersihan mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Pada masa sama, sebanyak 11 notis mengikut 32B Akta Makanan 1983 turut dikeluarkan kepada pemilik premis, wakil premis dan pengendali makanan selepas pelbagai kesalahan dikesan.

"Antara kesalahan termasuklah gagal mendaftarkan premis makanan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pengendali makanan tidak menjalani latihan, tiada suntikan anti-tifoid dan pakaian pengendali makanan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesalahan lain yang turut dikesan adalah gagal mematuhi kehendak kewajipan mengekalkan premis bersih dan bebas daripada sampah, makhluk perosak seperti tikus dan lipas.

"Dalam operasi sama, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) masing-masing mengeluarkan 13 notis serta satu kompaun disebabkan pelbagai pelanggaran," katanya.

> "Kita akan terus jalankan aktiviti pemeriksaan terhadap premis makanan
> Dr Prabakaran

Beliau berkata, operasi bersepadu yang dijalankan bagi memastikan premis makanan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dipatuhi dilaksanakan Unit Inspektorat serta Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan selain turut disertai oleh agensi lain seperti KPDN Sabah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan DBKK.

"Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu ingin menasihatkan semua pemilik premis makanan agar sentiasa peka tentang aspek kebersihan premis makanan seperti tertakluk dalam undang-undang.

"Kita akan terus menjalankan aktiviti pemeriksaan terhadap premis makanan di seluruh kawasan bandar raya bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya kesihatan serta penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Kelantan negeri tertinggi kesihatan rakyat terjejas akibat cuaca panas

DR IZANI

KOTA BHARU - Kelantan menjadi negeri tertinggi kesihatan rakyat terjejas akibat cuaca panas melampau dengan enam kes direkodkan setakat minggu epidemiologi (ME) ke-19 dari 17 April hingga 16 Mei 2023.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Izani Husin berkata, kes-kes termasuk satu kematian kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun akibat strok haba manakala selebihnya kerana kelesuan dan kekejangan haba.

"Kelantan tertinggi kes diikuti Sarawak (5) dan Sabah (3). Terbaru, kes di negeri ini membabitkan seorang wanita berusia 34 tahun yang mengalami kelesuan haba.

"Kesemua mereka dirawat di hospital dan dimasukkan *drip* air bagi memulihkan kesan dehidrasi," katanya pada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan negeri belum membuat apa-apa keputusan berkaitan cadangan proses pembenihan awan ketika cuaca panas ketika ini.

"Keadaan cuaca di Kelantan mencecah sekitar 35 sehingga 38 darjah Celsius dan tidak pernah dialami sebelum ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak sekolah supaya memberi perhatian lebih kepada aktiviti pelajar di luar kelas.

"Begitu juga mereka yang bekerja di lapangan terutama buruh dan pasukan beruniform yang memakai baju tebal supaya berwaspada," ujar beliau.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

18 MEI 2023

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

More patients head to clinics

Current hot weather making the elderly and small children sick

PETALING JAYA: More people are ending up at clinics to treat various ailments brought on by the heatwave.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said private clinics are seeing a surge in patients by about 20% to 25% due to the hot weather.

"We are seeing more cases of fever, lethargy, body aches and skin infections.

"Especially for those with psoriasis and eczema, their skin ailment is now more severe because of the dry conditions," he said.

Schoolchildren and the elderly, said Dr Raj Kumar, were the most affected but the hot weather has also hit an increasing number of healthy adults in their 20s to 50s.

"However, I think, currently, the situation is under control. We have alerted our members to advise patients to drink lots of water and wear light and loose clothing," he said.

A staff nurse, who declined to be named, said more of the elderly were walking in due to illnesses such as dizziness, fatigue, disorientation and fever.

"We are also seeing many infants and small children," said the nurse who works at a government clinic in Kuala Lumpur.

The clinic, she said, was always full, which increased the waiting time for walk-in patients.

"Every day, we have a set number of patients with appointments, such as the elderly and pregnant mothers, so walk-in patients will have to wait to be seen," she said.

Private school teacher Fatin Nabilah Hamid, 33, has been experiencing migraine due to the extreme hot weather and had to take medical leave.

"I've always had migraines but it got worse with the heat and I felt nauseous. I visited a private clinic and got a medical certificate on Monday.

"There were also many people at the clinic, including children," she said, adding that her doctor had advised her to drink more water and avoid the outdoors.

Fatin Nabilah said many of her students, who are aged 11 to 12, were also falling sick due to the hot weather.

A writer, who only wanted to be known as Candy, said her heat rash had been cropping up due to the bad weather.

As it is a condition that she's had since young, she did not think that it was serious but admitted that it was a nuisance.

"I used to have a severe heat rash every time the weather is dry and hot. Usually, I just need to use moisturiser more often," she said.

"It's just that it's been three years with La Nina and the weather then was quite cool, so I haven't had it for some time but it's back this year, and I am more put off by how annoying it is."

Candy will consult a doctor should her rash worsens but so far, she has been taking precautions such as bathing and moisturising more often, drinking more water and avoiding overexposure to the sun.

As of Monday, the Health Ministry had recorded 15 cumulative cases related to the hot weather, with one confirmed death.

It also advised the public to limit their exposure to the outdoors by wearing hats or using umbrellas to reduce direct sunlight on the body.

"A heatwave is a situation where the maximum daily temperature exceeds 37°C for three consecutive days," it said in a Facebook post yesterday.

MOH and agencies monitoring heatwave

SERDANG: The Health Ministry is collaborating with other government agencies to track the conditions that could lead to heat stroke, says Dr Zaliha Mustafa.

The Health Minister also called on the public to seek medical assistance if they experience any symptoms.

"Visit the hospital if you have severe symptoms such as dehydration, muscle cramps and fatigue," she told reporters at the ministry's Hari Raya open house here yesterday.

"My ministry is working with other agencies, including the National Disaster Management Agency, to draft guidelines on dealing with heat stroke."

On the resurgence of Covid-19 in Sabah's Tuaran district, Dr Zaliha said the situation there is under control.

She said Covid-19 case management in the district was still based on parameters that had already been discarded by the ministry.

"Actually, there was no need to panic about the cases in Tuaran. Overall, the number of cases in Sabah is actually fewer than 100 weekly," she said.

"In Tuaran, the Health Department was still using outdated criteria. Most of the cases fall within Categories 1 and 2."

According to Sabah guidelines, the area would be categorised as a red zone for Covid-19 if there were more than 40 active cases.

Tuaran, located 40km from Kota Kinabalu, has been placed back in the red zone after recording a spike in Covid-19 cases.

Deputy Chief Minister Datuk Dr Joachim Gunsalam said the district recorded 26 new cases in the week from May 7-13, compared with 18 cases the week before.